

17 JUL 2000

Mahathir-Umno

SISTEM JAWATAN DALAM UMNO KEKAL, KATA DR MAHATHIR

KUCHING, 17 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno tidak bercadang untuk memansuhkan jawatan timbalan presiden dan tiga naib presiden dalam pucuk pimpinan Umno kerana ia dirasakan terbaik pada masa ini.

"Ada yang hendak tambah dan ada yang hendak kurang. Jadi kita cari jalan tengah, kita kekal seperti kita sekarang, tak payah tambah dan tak payah kurangnya," katanya pada persidangan media selepas mengadakan lawatan ke Ming Kiong Garden milik Tan Sri Ting Pek Khiing di sini hari ini.

Perdana Menteri yang juga presiden Umno berkata demikian ketika diminta mengulas cadangan bekas timbalan presiden Umno Tun Ghafar Baba supaya jawatan timbalan presiden dimansuhkan dan menambah bilangan naib presiden kepada lima untuk memberi lebih banyak pilihan.

Sebelum ini Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz mencadangkan supaya jawatan tiga naib presiden dimansuhkan

Dr Mahathir berkata mungkin ada satu sistem yang lebih baik daripada yang ada sekarang tetapi sekiranya dilakukan perubahan (memansuh dan menambah jawatan) tidak akan ada banyak perbezaan yang berlaku.

Katanya pendapat Ghafar itu merupakan pandangan peribadi dan ia perlu dikaji secara mendalam sama ada dengan pemansuhan itu akan dapat menghapuskan perebutan jawatan daripada berlaku.

"Saya percaya selagi ada perasaan tamak di kalangan sesetengah orang yang hendak pegang jawatan semata-mata, bukan kerana mereka boleh menyumbang sesuatu, maka perebutan akan berlaku," katanya.

Ditanya pandangannya, kenapa sering berlaku perpecahan apabila ada pemilihan jawatan, Perdana Menteri berkata ini kerana calon yang kalah tidak berpegang kepada amalan demokrasi sebenar dan tidak menerima kekalahan itu dengan hati yang terbuka.

"Kalau kita pegang kepada prinsip demokrasi dan apabila bertanding dan kita kalah, kita terima keputusan majoriti serta sokong siapa yang menang. Tetapi apabila kita kalah, kita tarik diri, maka demokrasi akan runtuh.

"Semakin lama semakin ramai yang akan kalah setiap kali ada pertandingan dan keluar, akhirnya parti akan tidak mempunyai ahli sama sekali," katanya.

Dr Mahathir yang mengakhiri lawatan tiga hari ke Sarawak berkata anggota Umno perlu menghentikan sikap merebut jawatan dan menggunakan wang untuk mendapatkan jawatan hanya kerana kepentingan sendiri.

"Ini adalah keruntuhan akhlak. Dalam sejarah Malaysia, banyak negeri Melayu tergadai atau dijajah, kerana orangnya ingin merebut jawatan bagi diri mereka. Kalau kita masih amalkan cara ini, percayalah satu hari, kita akan kehilangan negara kita sendiri," katanya.

Mengulas tindakan pembangkang dalam laman webnya mendakwa peristiwa berdarah di Sauk, Perak baru-baru ini adalah sandiwara Umno, Perdana Menteri berkata beliau amat kagum dengan Mohamed Amin Razali (ketua kumpulan Al-Ma'unah) sekiranya dia anggota Umno kerana sanggup bergadai nyawa kerana Umno.

"Kalau orang boleh percaya Amin ini sanggup gadaikan nyawa untuk Umno, maka bolehlah percaya apa yang didakwa oleh pembangkang bahawa ini adalah sandiwara Umno.

"Kalau dia (pembangkang) kata itu sandiwara Umno, saya amat kagum dengan Umno kerana boleh menyuruh orang yang terang-terang menentang Umno mengambil tindakan supaya akhirnya mereka ditangkap dan akan dihukum oleh

mahkamah," katanya.

Perdana Menteri dan isteri kemudian berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada pukul 3.45 petang.

-- BERNAMA

APG MT RON